

U B446 DEB
MAHATHIR - HAJI R R R

KUALA LUMPUR, 21 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENASIHATI PARA BAKAL HAJI SUPAYA BERTENANG DAN MENERJAKAN IBADAT MEREKA DENGAN PENUH KESABARAN. KATANYA PILIHAN RAYA OGOS INI BUKANLAH YANG SATU-SATUNYA SAHAJA TETAPI IA DIADAKAN SETIAP LIMA TAHUN SEKALI DI NEGARA INI.

RAKYAT YANG TIDAK BERPELUANG MENGUNDI PADA PILIHAN RAYA KALI INI BOLEH MENGUNDI PADA PILIHAN RAYA AKAN DATANG, TEG N-LAPORAN MENGENAI SEBILANGAN BAKAL HAJI YANG TIDAK BERPELUANG MENGUNDI PADA PILIHAN RAYA 2 DAN 3 OGOS.

PENERBANGAN PERTAMA BERLEPAS DARI SINI KE TANAH SUCI AWAL BULAN INI DAN PENERBANGAN TERAKHIR PADA 9 OGOS.

KETIKA BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA DI SINI, BELIAU MENAFIKAN DAKWAAN KONONNYA KESEMUA BAKAL HAJI MALAYSIA TIDAK BERPELUANG MENGUNDI.

SEBALIKNYA RAMAI YANG DAPAT BERBUAT DEMIKIAN KERANA TERDAPAT 11 PENERBANGAN LAGI ANTARA 3 DAN 9 OGOS. -- LAGI.
1300MST 21 07 86

D400

U B447 DEB
MAHATHIR - HAJI 2 KUALA LUMPUR R R R

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEKIRANYA ADA BAKAL HAJI YANG DIJADULKAN BERLEPAS SEBELUM 3 OGOS YANG BENAR-BENAR BERMINAT UNTUK MENGUNDI, MEREKA BOLEHLAH MENAGGUHKAN TARIKH PEMERGINAN MEREKA.

DEMIKIAN JUGA BAGI BAKAL HAJI MALAYSIA YANG SUDAH BERADA DI TANAH SUCI, JIKA MEREKA BERMINAT MEREKA BOLEH BALIK KE TANAH AIR DAN PERGI SEMULA SELEPAS MENGUNDI, KATANYA.

+MUNGKIN ADA PARTI POLITIK YANG SANGGUP MEMBIAYAI MEREKA BERBUAT DEMIKIAN,+ KATANYA.

BAGAIMANAPUN, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU BERDOA AGAR BAKAL-BAKAL HAJI MALAYSIA MENERUSKAN IBADAT MEREKA DAN TIDAK TERPENGARUH DENGAN SEBARANG TEKANAN POLITIK DARIPADA PIHAK-PIHAK TERTENTU.

BELIAU JUGA BERDOA AGAR BAKAL-BAKAL HAJI DAPAT MENERJAKAN IBADAT MEREKA DENGAN PENUH KESABARAN DAN DALAM KEADAAN YANG SELESA SEKALI. -- LAGI.
1303MST 21 07 86

D401

U B448 DEB
MAHATHIR - HAJI 3 KUALA LUMPUR R R R

SEMENTARA ITU, PENGARAH BESAP LEMBAGA URUSAN DAN TABUNG HAJI DATUK HAJI HANAFIAH HAJI AHMAD BERKATA TIDAK MUNGKIN PIHAKNYA MENGUBAH JADUAL PENERBANGAN UNTUK MENAMPUNG BAKAL-BAKAL HAJI YANG INGIN MENAGGUHKAN PENERBANGAN UNTUK MENGUNDI PADA PILIHAN RAYA 2 DAN 3 OGOS.

KATANYA SEBANYAK 11 PENERBANGAN YANG MEMBAWA KIRA-KIRA 4,000 ORANG BAKAL HAJI AKAN BERLEPAS DARI BEBERAPA TEMPAT DI SELURUH NEGARA KE TANAH SUCI DARI 3 HINGGA 9 OGOS.

BELIAU JUGA MENGESAHKAN BAHAWA TABUNG HAJI BELUM MENERIMA SEBARANG PERMOHONAN MENARIK DIRI DARIPADA BAKAL-BAKAL HAJI SETAKAT INI. -- BERNAMA.

1305MST 21 07 86